

23 MAR 2000

TIADA PENGUMUMAN BARU BERHUBUNG PERTANDINGAN, KATA TENGGU RAZALEIGH

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Tengku Razaleigh Hamzah hari ini berkata beliau tidak mempunyai sebarang rancangan untuk merebut mana-mana jawatan tertinggi Umno dalam pemilihan Mei ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu berkata setakat ini beliau tidak ada pengumuman baru untuk dibuat berhubung perkara itu.

Ditanya sama ada beliau akan bertanding jika banyak bahagian mencalonkannya untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti, beliau berkata: "sehingga ini saya tidak mempunyai rancangan untuk bertanding, saya masih berpegang pada itu, tidak ada apa-apa yang nak dimaklumkan dan tak ada apa-apa nak diumumkan."

Ini merupakan petunjuk paling jelas daripada Tengku Razaleigh setakat ini berhubung spekulasi bahawa beliau akan bertanding salah satu jawatan utama parti pada pemilihan itu.

"Saya sebenarnya tidak mempunyai sebarang rancangan untuk merebut mana-mana kerusi tertinggi Umno," katanya.

Pada 9 Mac lepas, pendirian Tengku Razaleigh terus menjadi persoalan apabila beliau mengeluarkan kenyataan dengan berkata beliau "tidak boleh lari daripada tanggungjawab" dalam Umno sekiranya ia sesuai dengan kemampuannya.

Bagaimanapun setakat ini, dengan 80 daripada 165 bahagian Umno yang bermesyuarat, 79 mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan presiden dan timbalan presiden, manakala Tengku Razaleigh hanya memperolehi satu pencalonan untuk kedua-dua jawatan itu.

Jawatan presiden memerlukan sekurang-kurangnya 50 pencalonan manakala timbalan presiden 33 pencalonan.

Sebahagian besar bahagian parti yang belum bermesyuarat untuk membuat pencalonan akan berbuat demikian Ahad ini.

Mengenai cubaan beberapa pihak mencalonkan namanya untuk bertanding dalam pemilihan itu, beliau berkata: "Ini mungkin mempunyai niat untuk memalukan saya".

Beliau bagaimanapun berkata, tidak terdapat sebarang bukti kukuh mengenai perkara itu.

"Saya cuma kata mungkin ada pihak yang cuba laga-lagakan saya (dengan pucuk pimpinan), dan mungkin juga tidak," katanya.

Tengku Razaleigh berkata, beliau akan tetap mengambil sikap berdiam diri walaupun terdapat beberapa pihak yang "melambung" namanya sebagai calon untuk menandingi pemimpin-pemimpin tertinggi negara.

"Saya macam inilah...Kalau ada orang datang bercakap dengan saya, saya bercakaplah," katanya.

Mengenai pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Sanggang pada 1 April, Tengku Razaleigh berkata Barisan Nasional (BN) mempunyai harapan yang baik untuk menang.

"Apa yang penting ialah bagaimana cara calon kita mengendalikan kempen-kempenya. Saya percaya, mereka yang diberi tanggungjawab menjalankan kempen itu akan menggunakan semua strategi yang difikirkan boleh menawan hati pengundi. Insya-Allah kita akan menang," katanya.

Beliau berkata pihak yang terlibat juga perlu memberi perhatian kepada lebih 1,000 pengundi baru selain daripada 38 peratus kaum Cina yang akan mengundi di kawasan itu.

"Pihak mana yang mereka sokong, kita tak tahu lagi. Tapi saya tak fikir

masyarakat Cina lebih terpengaruh dengan PAS. Tidak ada logiknya mereka nak menyokong PAS," katanya.

Bagaimanapun, katanya, itu tidak bermakna calon BN itu lebih mengharapkan undi Cina untuk memenangi pilihan raya kecil itu.

"Apa yang kita harapkan ialah undi mereka sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira kaum Melayu, Cina atau India," katanya.

-- BERNAMA

NHA AU NMO